

**UCAPAN DASAR KERAJAAN  
OLEH TYT YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH  
BERSEMPENA DENGAN PEMBUKAAN RASMI  
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH  
YANG KEEMPAT BELAS  
PADA 9 APRIL 2015**

Bismilahir Rahmanir Rahim,

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Pembukaan Rasmi Dewan Undangan Negeri Sabah Yang Ke-14.

2. Jika diamati, Kerajaan Negeri telah melakukan yang terbaik sepanjang tahun 2014 dalam bidang pengurusan kewangan dan pentadbiran negeri, terutama sekali bagi mengukuhkan lagi kedudukan kewangan dengan

mempelbagaikan sumber pendapatan negeri secara konsisten di bawah kepimpinan YAB Ketua Menteri di mana negeri terus makmur, maju dan mendapat kepujian dan penghormatan komuniti antarabangsa.

3. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan atas segala usaha yang dilakukan untuk mengukuhkan lagi tahap keselamatan di negeri ini serta langkah-langkah yang diambil untuk mencegah kes-kes penculikan pada masa hadapan. Sementara itu, pada suku kedua tahun yang sama, negeri Sabah dikejutkan dengan masalah banjir kilat di daerah Penampang yang telah menjejaskan aktiviti harian penduduk di kawasan berkenaan. Saya amat berbangga dan mengucapkan penghargaan kepada pegawai-pegawai kerajaan, anggota pasukan keselamatan, Badan Bukan Kerajaan serta individu yang telah menunjukkan semangat kesukarelawanan dalam membantu mangsa-mangsa bencana tersebut.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

4. Tahun 2014 adalah tahun keempat dalam RMK10 dan merupakan tahun yang kritikal untuk menyiapkan projek-projek pembangunan yang dirancang oleh Kerajaan di bawah RMK10. Sebanyak RM1.2 bilion telah dibelanjakan pada tahun tersebut untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan biayaan Kerajaan Negeri terutama projek-projek infrastruktur.

5. Manakala sebanyak RM2.6 bilion pula telah dibelanjakan untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan biayaan Kerajaan Persekutuan termasuklah projek-projek infrastruktur, kesihatan, pendidikan, keselamatan, di samping pelaksanaan projek-projek bagi tujuan merapatkan jurang pembangunan antara bandar dengan luar bandar. Usaha-usaha dan inisiatif-inisiatif tersebut menunjukkan sokongan padu yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri untuk melonjakkan pembangunan

dan pertumbuhan ekonomi negeri Sabah.

6. Sektor swasta di negeri ini kekal aktif dengan pelaksanaan pelbagai projek berimpak tinggi yang akan menjana banyak peluang pekerjaan pada masa hadapan. Antara projek-projek tersebut ialah *Dalit Bay Integrated Tourism Resort*, *Sabah International Convention Centre*, *International Technology and Convention Centre*, *Tawau Green Energy*, *Jesselton Waterfront* dan *Sabah Ammonia and Urea (SAMUR)* dan penternakan udang di Telaga, Pitas. Pada tahun yang sama, kita juga menyaksikan pelancaran pelbagai pembangunan hartanah terutama hartanah kediaman dan komersial dengan nilai pembangunan kasar sebanyak RM3.7 bilion.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

7. Negeri turut diuji dengan beberapa insiden penculikan yang berlaku di kawasan Pantai Timur Negeri

Sabah pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, alhamdulillah, prestasi sektor pelancongan di negeri ini yang merupakan antara penyumbang utama kepada pendapatan negeri tidak banyak terjejas akibat daripada insiden tersebut. Saya juga bangga dengan langkah-langkah agresif Kerajaan memperkenalkan dan mempromosikan produk-produk pelancongan baharu, di samping melakukan peralihan fokus kepada sumber pasaran yang lain serta memberikan tumpuan yang lebih kepada pasaran-pasaran yang menunjukkan prestasi yang baik pada tahun lalu. Pada masa yang sama, saya menyarankan agar masyarakat juga memainkan peranan dalam mewujudkan persekitaran yang bersih dan kondusif serta mesra pelancongan untuk menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke negeri Sabah.

8. Dalam sektor pertanian pula, sukacita saya memaklumkan bahawa Kerajaan akan memberikan tumpuan kepada pengeluaran agromakanan dan penjanaan serta peningkatan pendapatan para nelayan, petani dan penternak.

Sektor ini akan diperkukuhkan lagi dengan usaha-usaha baharu yang menekankan kepada penggunaan teknologi moden bagi menambah pengeluaran untuk menampung dan memenuhi permintaan yang semakin meningkat, di samping meningkatkan lagi tahap keselamatan makanan terutama kualiti beras di negeri ini. Pada masa yang sama, saya juga berterima kasih dengan usaha dan inisiatif Kerajaan dalam mengkaji dan menstrukturkan semula subsidi dan insentif yang diberikan untuk memastikan ia menepati sasaran dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan sektor pertanian di negeri ini.

9. Saya berpuas hati atas kejayaan Kerajaan melaksanakan pelbagai program pembangunan wanita seperti program *women of substance*, program keusahawanan wanita, program pembangunan ibu tunggal, program kepekaan *gender*, di samping program kesejahteraan keluarga seperti program *outreach* untuk mewujudkan dan memantapkan keharmonian masyarakat. Saya juga berterima kasih atas keprihatinan

Kerajaan dalam memastikan warga emas dan golongan orang kurang upaya tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara serta memastikan kepentingan, kesejahteraan dan kebajikan mereka terpelihara dan pada masa yang sama, memberikan perhatian kepada kelengkapan keperluan mereka yang bersifat mesra-pengguna (user-friendly). Manakala dalam aspek kepenggunaan pula, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Kenaikan Harga Barangan dan Perkhidmatan, bertujuan untuk mengambil tindakan bersepadu bagi membendung dan mengurangkan beban rakyat akibat kenaikan harga barangan dan perkhidmatan di negeri ini.

10. Saya bersyukur usaha-usaha meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat terus menjadi agenda penting Kerajaan agar segenap lapisan masyarakat dapat mengecapi hasil yang diperolehi. Sehubungan itu, Kerajaan menyedari akan isu keperluan perumahan berikutan pertambahan penduduk dan justeru, berusaha mencari jalan terbaik untuk mengatasi keperluan tersebut terutama bagi mereka yang

berpendapatan rendah dan sederhana. Dengan itu, Kerajaan telah merancang dan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu rakyat agar mereka mampu memiliki rumah melalui pelaksanaan pelbagai program seperti Program Perumahan Rakyat (PPR), Program Rumah Mampu Milik dan Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA). Di samping itu, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah termasuk memperkasa peranan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menangani beberapa masalah yang wujud di kawasan perbandaran seperti masalah setinggan, penyalahgunaan dadah, peningkatan kadar kemiskinan di bandar serta isu kepadatan penduduk.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

11. Kerajaan terus komited dalam mengukuhkan dan memajukan bidang sukan dan golongan belia di negeri ini selaras dengan dasar-dasar dan pelan-pelan pembangunan seperti Indeks Belia Sabah 2014, Pelan Strategik



Pembangunan Belia Negeri Sabah (2016-2020), Dasar Pembangunan Belia Negeri Sabah, Pelan Strategik Pembangunan Sukan Negeri Sabah (2016-2030). Selain itu, saya bangga dengan usaha-usaha murni Kerajaan dalam kejayaan membangunkan belia dan memajukan sukan di negeri ini terutama dalam melahirkan atlet yang berkaliber, di samping membuat penganjuran dan penyertaan sukan di peringkat antarabangsa. Justeru, golongan belia hendaklah bangkit untuk menyahut cabaran ini, di samping berusaha bersungguh-sungguh meningkatkan pembangunan jati diri bagi menghadapi persekitaran dunia yang semakin mencabar.

12. Sesungguhnya Kerajaan sentiasa mengambil perhatian untuk terus membangunkan infrastruktur di negeri ini dan ia terbukti melalui kejayaan pelaksanaan pelbagai projek infrastruktur, termasuk pencapaian NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar (RBI) (2010-2014) dan pencapaian RBI bagi bekalan kemudahan elektrik, pembinaan dan penambahbaikan jalan raya serta perumahan (2010-2014). Dengan sukacita

dimaklumkan bahawa Kerajaan akan memfokus kepada merancang dan melaksanakan projek-projek berimpak tinggi yang mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri. Projek-projek ini merangkumi projek meningkatkan liputan sistem jalan raya di seluruh negeri, menyediakan bekalan air bersih di bandar dan luar bandar, memodenkan perkhidmatan keretapi serta meningkatkan kemudahan infrastruktur maritim untuk kegunaan awam dan juga yang membabitkan pelabuhan-pelabuhan komersil.

13. Selaras dengan strategi pengukuhan ekonomi negeri, jumlah pelaburan direalisasikan dalam Koridor Pembangunan Sabah (SDC) telah mencecah sejumlah RM50.4 bilion sejak tahun 2008. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri atas kejayaan menyiapkan projek-projek di bawah inisiatif Koridor Pembangunan Sabah (SDC) seperti projek Kimanis Power Plant, projek Laluan Basikal dan Berjalan Kaki (Cycleway and Pedestrian Walkway) di Tanjung Lipat, projek Oceanus Waterfront Mall di Kota Kinabalu City Waterfront serta

projek Jalan Raya Ansong-Lalampas di Tongod. Saya juga berpuas hati terhadap Kerajaan Negeri kerana meneruskan aktiviti-aktiviti promosi pelaburan, di samping menyediakan persekitaraan pelaburan yang kondusif di *Key Focus Areas* iaitu dalam bidang pelancongan, pendidikan, pertanian, minyak sawit, tenaga, minyak dan gas serta bidang pembuatan dan logistik. Selain itu, Kerajaan juga akan meningkatkan daya saing negeri terutama dalam memperluaskan *global connectivity* melibatkan jalan raya, laut dan udara serta akses jalur lebar.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

14. Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha memantapkan perkhidmatan perpustakaan dan membudayakan tabiat membaca dalam kalangan masyarakat, di samping pembinaan bangunan-bangunan perpustakaan dan pembelian beberapa kenderaan perpustakaan bergerak baharu. Selain itu, Kerajaan juga akan terus meningkatkan

mutu dan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan terutama dalam memperkasa pembangunan aplikasi ICT dalam sistem perkhidmatan Kerajaan dan meningkatkan penguasaan ICT dalam kalangan masyarakat. Sehubungan itu, bagi mencapai sasaran 95% penggunaan perkhidmatan atas talian dan meningkatkan penembusan jalur lebar, Enakmen Aktiviti Kerajaan Elektronik 2014 akan dilaksanakan di semua agensi Kerajaan Negeri pada tahun ini.

15. Jika diamati, ekonomi negara masih berkembang walaupun negara sedang berhadapan dengan persekitaraan global yang tidak menentu seperti kejatuhan harga minyak mentah dan komoditi serta turun naik nilai mata wang. Dalam hal ini, saya bangga dengan kejayaan Kerajaan Negeri dalam mengekalkan keadaan ekonomi, sosial dan politik yang stabil serta tawaran polisi pelaburan yang mesra pelabur untuk menarik minat para pelabur tempatan dan luar negeri melabur dalam sektor pembuatan di negeri ini. Sehubungan itu, sejumlah RM2.8 bilion nilai pelaburan telah direkodkan di

negeri Sabah pada tahun 2014, yang merangkumi sebanyak 33 buah projek dalam sektor pembuatan makanan, biomas, *non-methalic mineral products*, produk plastik dan produk berasaskan minyak sawit. Daripada jumlah tersebut, pelabur tempatan merupakan penyumbang terbesar dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.2 bilion atau 80% daripada jumlah pelaburan, manakala sebanyak RM570 juta atau 20% pula adalah daripada pelaburan asing.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

16. Saya berbangga dan menyambut baik usaha-usaha berterusan Kerajaan Negeri untuk menetapkan sasaran menjadikan kawasan hutan dan lain-lain tanah Kerajaan yang mempunyai nilai biologi yang tinggi (*high conservation value forest*) sebagai *Totally Protected Areas* (TPAS) untuk diperluaskan kepada 30% muka bumi negeri Sabah menjelang tahun 2025 atau selewat-lewatnya pada tahun 2030. Saya dengan bangganya memaklumkan bahawa pada tahun 2014,

Kerajaan Negeri telah berjaya mengistiharkan lebih kurang 200,000 hektar lagi kawasan hutan sebagai kawasan TPAS, menjadikan jumlah keluasan keseluruhan kawasan TPAS meningkat kepada 1.56 juta hektar atau bersamaan dengan 21% daripada keluasan muka bumi negeri ini, justeru menjadikannya sebagai kawasan TPAS yang terbesar di Malaysia. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga akan meneruskan dan memperbanyak program-program berkaitan dengan pemulihan semula hutan (Forest Restoration), perlindungan *iconic species* (seperti Orang Utan, Pygmy Elephants dan sebagainya) serta menjalankan perlindungan yang berterusan.

17. Saya juga berterima kasih atas inisiatif Kerajaan dalam menekankan bidang-bidang yang berhubungkait dengan pembangunan modal insan kerana ia merupakan aset berharga bagi semua sektor di negeri ini. Dalam usaha untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi, Kerajaan akan memperkasa usaha dalam bidang-bidang yang berupaya

mengeluarkan modal insan yang berilmu, bersahsiah mulia serta memenuhi kehendak pasaran kerja. Untuk tujuan tersebut, peluang-peluang pendidikan yang berkualiti dan latihan berkemahiran tinggi yang boleh memenuhi keperluan kerja dalam semua sektor perlu disediakan. Pembangunan modal insan ini akan mencakupi modal intelek, kreativiti, inovatif, kemahiran seni dan pertukangan serta kemahiran berkomunikasi. Antara aspek yang akan ditekankan oleh Kerajaan termasuklah memperkasa bidang pendidikan di semua peringkat pembelajaran terutama bagi memastikan pendidikan dan latihan di peringkat *tertiary* memenuhi keperluan pasaran kerja pada masa kini.

18. Alhamdulillah, saya bersyukur pelaksanaan pelbagai program pembasmian kemiskinan samada program jangka pendek, sederhana dan pendek seperti Program Mini Estet Sejahtera (MESEJ), 1AZAM, Program Peningkatan Ekonomi Setempat (PPES), Agropolitan, Program Bantuan Rumah (PBR) dan lain-lain telah berjaya meningkatkan taraf sosio

ekonomi rakyat di negeri ini. Sehubungan itu, pada tahun 2015, Kerajaan Negeri akan memperkasakan lagi usaha bagi mengekalkan kecemerlangan dalam mengurangkan kadar kemiskinan di negeri ini termasuklah meneruskan pelaksanaan program-program kemiskinan seperti projek MESEJ serta projek-projek pembasmian kemiskinan lain di seluruh negeri Sabah. Di samping itu, Kerajaan juga akan meneruskan Program Kampung Sejahtera (PKS) yang bertujuan untuk mentransformasikan kampung-kampung mundur yang terpilih secara holistik dengan melibatkan tiga aspek utama iaitu pembangunan modal insan, kemajuan ekonomi dan peningkatan kualiti hidup.

19. Dengan sukacita saya memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri akan melaksanakan langkah-langkah berterusan bagi memantap dan menerapkan amalan tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan di semua Badan Berkanun dan agensi negeri. Usaha tersebut termasuklah melaksanakan kursus tahunan kepada semua Ahli Lembaga



Badan Berkanun dan agensi Kerajaan Negeri dan penarafan bintang bagi kecemerlangan pengurusan kewangan berdasarkan indeks akauntabiliti yang diberikan oleh Jabatan Audit Negara. Pada masa yang sama, saya menggesa agar semua pihak memberikan sokongan penuh kepada usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk mempelbagai sumber hasil dan seterusnya meningkatkan kutipan hasil bagi memastikan asas ekonomi dan kewangan negeri terus kukuh serta berdaya tahan agar pembangunan negeri serta kesejahteraan rakyat terus terjamin.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

20. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah berjaya merangka langkah-langkah berhemah untuk meminimumkan kesan akibat kejatuhan harga minyak termasuk mengetatkan perbelanjaan mengurus, di samping memastikan projek-projek pembangunan yang memberi manfaat kepada rakyat akan terus dilaksanakan pada

tahun ini. Kerajaan Negeri juga berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan atas pelaksanaan projek Pusat Transformasi Bandar (UTC) yang mana banyak memberi manfaat kepada rakyat di negeri ini.

21. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada sektor swasta atas keyakinan, kreativiti dan inovasi, pelaburan dan sumbangan dalam membantu membina masa hadapan yang lebih baik untuk negeri Sabah. Manakala di peringkat serantau, kedudukan Malaysia sebagai pengerusi kepada ASEAN Economic Community (AEC) serta jalinan hubungan diplomatik yang kukuh antara Kerajaan Negeri dan negara China yang menyaksikan pembukaan pejabat konsulat negara China di negeri Sabah merupakan satu petanda baik dalam perkembangan ekonomi di negeri ini.

22. Bagi meneruskan kelangsungan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang berimpak tinggi, Kerajaan akan melaksanakan projek-projek yang akan memberi penekanan

kepada peningkatan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat (*people oriented*) dan mewujudkan ekonomi yang seimbang, inklusif dan mampan (*capital oriented*). Antaranya ialah seperti Projek Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Projek Mini UTC, Projek Rimbunan Kasih, Projek Tanjung Aru Eco Development dan lain-lain.

23. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan Ahli-Ahli Jemaah Menteri atas kecemerlangan khidmat bakti yang telah mereka curahkan dalam memimpin hala tuju pembangunan negeri ini.

24. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Anggota Perkhidmatan Awam dan Pasukan Keselamatan khususnya Polis DiRaja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia serta semua pihak yang terlibat dalam proses menentukan keamanan dan kesejahteraan rakyat negeri terus terjamin.

25.           Semoga Tuhan Yang Maha Esa sentiasa melimpahi kurnia dan rahmat-Nya kepada kita semua serta melindungi negeri yang bertuah ini agar kita akan terus maju, aman dan makmur selama-lamanya.

Sekian,   Wabillahi   Taufik   Walhidayah   Wassalamu'alaikum  
Warahmatullahi   Wabarakatuh.